



اَوْنُوْرَسِيْتِي تِيْكَوْلُوْجِيْ مِيْاَرَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Pengurusan
dan Perniagaan

FBM

Newspaper highlight 2021

April



13 April 2021

Universiti bantu negara realisasi hab kewangan Islam serantau



Timbalan Dekan
(Penyelidikan dan
Inovasi), Fakulti
Pengurusan dan
Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)

Oleh Dr Amirul Afif Muhamat
bhrencana@bh.com.my

Kewangan Islam di Malaysia berkembang pesat selaras usaha dan strategi dilaksanakan kerajaan untuk memajukan sektor kewangan patuh syariah di negara ini sejak lebih 38 tahun kewujudan industri itu.

Laporan tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) 2020 menyatakan pembiayaan kewangan Islam oleh bank patuh Syariah di Malaysia meningkat daripada RM753.6 bilion kepada RM817.4 bilion.

Peningkatan turut direkodkan melalui deposit simpanan dan akaun pelaburan Islam.

Perkembangan pesat ini meletakkan Malaysia di landasan terbaik, memastikan perancangan menjadikan negara sebagai hab kewangan Islam serantau dapat dicapai.

BNM melalui Laporan Financial Stability and Payment Systems Report 2016 menggariskan kemandirian bank patuh syariah di Malaysia didukung modal insan berkualiti dan berkemahiran tinggi.

Oleh itu, universiti medan terbaik untuk membentuk dan melatih bakal pemimpin dan pelaksana untuk industri kewangan Islam negara.

Finance Accreditation Agency (FAA) melaporkan 80 peratus negara yang memiliki industri kewangan Islam, mengalami kekurangan bakat di pelbagai bidang, manakala 60 peratus tenaga kerja sedia ada memerlukan latihan dan bengkel penguatan kemahiran bagi mengekalkan kompetensi dalam industri kewangan patuh syariah ini.

Justeru, adanya keperluan mendesak bagi menyediakan modal insan komprehensif serta mencakupi keupayaan berfikir aras tinggi.

Mereka juga diharap mampu merencanakan aktiviti atau tugas dengan menggunakan kreativiti serta inovasi bersifat kontemporari, selain memiliki sahsiah dan integriti kukuh dan mulia.

Ini selaras kriteria digariskan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi Program Standard untuk bidang Muamalat dan Kewangan Islam yang menekankan pelajar pasca siswazah apabila tamat pengajian, mesti dilengkapi pengetahuan terkini dan mahir dengan teori serta prinsip berkaitan bidang itu, serta boleh menzahirkan komunikasi yang efektif, profesional dan beretika.

Pemerhatian melalui pengalaman dan kajian membabitkan pelajar pasca siswazah di bidang kewangan Islam mendapati, mereka sememangnya memerlukan pendedahan konsisten terhadap perkembangan pesat dalam industri, hasil penggunaan teknologi terkini seperti perlombongan data, wang kripto, ekuiti pendanaan ramai dan lain-lain lagi.

Oleh itu, pembabitan pengamal industri berpengalaman amat diperlukan bagi mengadunkan teori, konsep dan simulasi dipelajari pelajar pasca

siswazah melalui sesi kuliah.

Selain membuka pemikiran pelajar untuk menilai sesuatu isu atau topik dibincangkan dari perspektif lebih luas, ia juga mencambuh pemikiran pelajar supaya lebih kritis, berpandangan jauh dan mempunyai empati terhadap sesuatu isu.

Tiga kriteria ini penting kerana alam pekerjaan nanti, mereka perlu mampu untuk mengupas sesuatu isu atau perkara dengan terperinci bagi memastikan majikan mendapat input menyeluruh.

Bagi memastikan perkongsian pengamal industri dimanfaatkan sepenuhnya, sesi pembelajaran dengan 'membedah' kajian kes sesuai bagi mendedahkan pelajar dengan kes sebenar dalam industri.

Mereka dapat menganalisis dan memberi cadangan bagi menyelesaikan isu dibincangkan di dalam kajian kes, yang kemudian dibandingkan dengan pelaksanaan sebenar dibuat pengurusan dalam kajian kes terbabit.

Ini akan memberi ruang kepada pelajar dan pensyarah memperdebatkan isu dan solusi secara ilmiah. Penggunaan internet yang diperhebatkan juga membantu memudahkan universiti menganjurkan pelbagai webinar. Melaluinya, pelajar dapat dipertemukan dan berinteraksi dengan personaliti serta cendekiawan kewangan Islam dari serata dunia. Ia suatu pengalaman baharu buat semua.

Kesimpulannya, ledakan teknologi maklumat menyebabkan industri kewangan Islam bergerak lebih pantas bagi memastikannya kekal relevan untuk bersaing dengan kewangan konvensional serta memenuhi permintaan yang lebih sofistikated.

Justeru, universiti perlu bergerak seiringan dengan industri kewangan Islam bagi memastikan pelajar, terutama pada peringkat pasca siswazah mendapat ilmu, pengalaman dan kemahiran diperlukan bagi mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0.

“Adanya keperluan mendesak bagi menyediakan modal insan komprehensif serta mencakupi keupayaan berfikir aras tinggi”

15 April 2021

Sesi interaktif tingkat kemahiran pelajar

Oleh Dr Amirul Afif Mahamat
bhrencana@bh.com.my

Kewangan Islam di negara ini berkembang pesat selama usia dan strategi kerajaan memajukan sektor kewangan patuh syariah sejak lebih 38 tahun lalu.

Laporan tahunan Bank Negara untuk 2020 menyatakan pembiayaan kewangan Islam bank patuh syariah meningkat daripada RM753.6 bilion kepada RM817.4 bilion, manakala deposit simpanan (RM87 bilion kepada RM99 bilion) dan akaun pelaburan Islam (RM739.1 bilion kepada RM790.9 bilion).

Bank Negara juga dalam Laporan *Financial Stability and Payment Systems Report 2020* menggariskan kemandirian

bank patuh syariah didukung modal insan berkualiti dan berkemahiran tinggi.

Agensi Akreditasi Kewangan (FAA) melaporkan 80 peratus negara memiliki industri kewangan Islam mengalami kekurangan bakat pelbagai bidang, manakala 60 peratus tenaga kerja sedia ada perlukan latihan dan bengkel pengukuhan kemahiran

untuk mengekalkan kompetensi.

Justeru, wujud keperluan mendesak untuk menyediakan modal insan komprehensif dan mencukupi kepayaan berfikir aras tinggi di universiti.

Berdasarkan pemerhatian, pengalaman dan kajian membabitkan pelajar pascasiswazah kewangan Islam, mereka memerlukan pendedahan konsisten terhadap perkembangan pesat industri hasil penggunaan teknologi seperti perolehan data, wang kripto dan ekuiti pendanaan ramai (*equity crowdfunding*).

Oleh itu, pembabitkan pengamal industri berpengalaman amat diperlukan bagi mengodunkan teori, konsep dan simulasi pelajar pascasiswazah diperolehi melalui sesi kuliah dengan pensyarah.

Ini akan membuka pemikiran pelajar untuk menilai dengan perspektif lebih luas. Ia mencambah pemikiran supaya lebih kritis, berwawasan dan mempunyai empati terhadap sesuatu isu.

Ia penting supaya pelajar mampu mengupas sesuatu isu atau perkara dengan terperinci bagi memastikan majikan mendapat input menyeluruh.

Empati diperlukan supaya sesuatu isu dinilai tidak hanya dari segi teknikal, bahkan aspek pihak berada dalam situasi itu sendiri. Ia tidak boleh

dilihat dari perspektif sahaja semata-mata, sebaliknya dinilai dari kaca mata kemanusiaan.

Setiap kali semester pengajian pascasiswazah kewangan Islam di Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS) UTM bermula, pengamal industri

seperti penganalisis aktuari, penilai kerugian dan pengurusan kerosakan pelbagai syarikat takaful akan dijemput ke kelas untuk mengupas topik kontemporari dalam industri takaful.

Terdapat sesi interaktif mencambahkan idea baharu kepada pengamal industri untuk mendapatkan reaksi terhadap pandangan pelajar mengenai industri takaful dan potensi pelaksanaannya.

Ketika pandemik, penggunaan internet diperhebatkan dalam pelbagai bidang dan institusi, sekali gus memudahkan universiti menganjurkan pelbagai webinar termasuk pada peringkat antarabangsa.

Ledakan teknologi maklumat menyebabkan industri kewangan Islam bergerak lebih pantas bagi memastikannya relevan.

Justeru, universiti perlu bergerak seiring industri kewangan Islam bagi memastikan pelajar terutama pascasiswazah mendapat ilmu, pengalaman dan kemahiran diperlukan untuk membantu aspirasi negara menjadi hub kewangan Islam serantau.



Timbalan Dekan
(Penyelidikan dan Inovasi), Fakulti
Pengurusan dan
Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UTM)

Guna dana bencana sebagai subsidi insurans pertanian

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pakar insurans dan sekuriti makanan mencadangkan kerajaan menggunakan peruntukan tahunan disediakan bagi membantu petani, penternak, nelayan kehilangan hasil akibat bencana alam untuk menampung bayaran premium insurans bagi melindungi golongan sasaran itu.

Bagaimanapun, mereka berharap manfaat menerusi subsidi berkenaan tidak disalurkan sama rata, sebaliknya ditentukan berdasarkan keperluan setiap penggiat agrotani.

Kerajaan memperuntukkan RM80 juta di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi membantu petani, penternak, nelayan yang kehilangan pendapatan akibat bencana alam.

19 April 2021

Cadang kerajaan sediakan subsidi

Dari Muka 1

Pensyarah Kanan Insurans, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Azitadoly Mohd Arif, berkata skim perlindungan insurans perlu menepati keperluan golongan sasaran, selain memastikan bayaran premiumnya tidak terlalu membebankan.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan kerajaan menyediakan subsidi bagi menanggung sebahagian pembayaran premium insurans, manakala selebihnya dibayar sendiri pesawah, petani dan nelayan.

“Skop perlindungan yang ditawarkan juga perlu menepati keperluan kumpulan sasaran dan premium yang dikenakan mesti mampu ditanggung petani, nelayan, penternak.

“Oleh kerana kerajaan memang mempunyai peruntukan (RM80 juta) bagi bencana alam membantu petani atau penter-

nak yang mengalami kerugian, adalah lebih sesuai jika kerajaan mengambil sebahagian peruntukan itu sebagai subsidi premium, selebihnya ditanggung petani sendiri,” katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas laporan akhbar ini semalam, desakan beberapa persatuan agrotani supaya kerajaan menyegerakan skim perlindungan insurans khusus untuk petani, penternak dan nelayan yang berdepan risiko kerugian serta hilang pendapatan akibat bencana alam seperti banjir, kemarau, selain serangan penyakit.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang dilaporkan berkata ketiadaan insurans pertanian menyebabkan kerajaan terpaksa memperuntukkan sebanyak RM80 juta di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan dalam RMK-12 bagi membantu petani, penternak, nelayan yang kehilangan pendapa-

tan akibat bencana alam.

Ketua Laboratori Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Shaufique Fahmi Ahmad Sidique, berkata peranan kerajaan penting dalam menyalurkan subsidi bertujuan menampung bayaran premium supaya ia tidak terlalu membebankan petani, nelayan dan penternak.

Justeru, beliau bersetuju sekiranya kerajaan menggunakan peruntukan RM80 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dalam Tabung Bantuan Bencana Agromakanan untuk disalurkan sebagai subsidi insurans.

“Namun, saya tidak pasti sama ada peruntukan itu mencukupi bagi menampung sebahagian premium insurans buat petani, nelayan dan penternak yang ramai di negara ini.

“Pertama sekali, kerajaan memerlukan maklumat berapa ramai petani, nelayan dan penter-

nak di negara ini, termasuk butiran lain seperti jenis risiko dihadapi, jenis aktiviti pertanian, lokasi, luas tanah, hasil dan faktor lain.

“Skim insurans kena ada ramai peserta baru syarikat insurans berani untuk terbabit sama. Kerajaan kena pastikan semua kena beli premium.

“RM80 juta nampak memang tak cukup dan semua pihak berkaitan kena duduk berbincang berdasarkan data yang diperoleh,” katanya.

Pensyarah Jabatan Perniagaan dan Ekonomi Biosumber UPM, Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin, pula berkata bukan semua petani, penternak dan nelayan memerlukan bantuan subsidi sama rata daripada kerajaan.

Beliau berkata, kerajaan perlu menjalankan kaji selidik bagi memperoleh maklumat tepat supaya dapat menentukan ‘tahap’ subsidi diperlukan mereka.

26 April 2021

Pilih saluran sah labur mata wang kripto

Oleh Mohd Faizal Kamarudin
bhrencana@bh.com.my

Pelabur bijak sentiasa mencari peluang pelaburan yang boleh mendatangkan hasil optimum. Kini, pelaburan mata wang kripto kelihatan sangat berdaya saing.

Technoking Tesla, Elon Musk, antara pelabur tegar. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan penyertaan pengurus aset yang sudah memasukkan wang kripto dalam portfolio pelaburan mereka.

Terkini, Brevan Howard Asset Management berpangkalan di United Kingdom dan bertanggungjawab menguruskan dana AS\$14 bilion, juga akan mula melabur dalam mata wang kripto.

Namun, bagaimana status pelaburan ini di Malaysia?

Revolusi mata wang kripto mendapat tindak balas berbeza pihak berkuasa kewangan negara dunia. Negara seperti Thailand, Bolivia dan Iran sudah mengharamkannya.

Malaysia bagaimanapun mengambil pendekatan sangat dinamik. Mengikut garis panduan Suruhan-

jaya Sekuriti, pelaburan mata wang kripto di Malaysia sah dan dibolehkan.

Namun, ia hanya boleh dilakukan melalui platform disenaraikan di Digital Asset Exchange. Tiga platform dilesenkan Suruhanjaya Syarikat adalah Luno Malaysia, Sinergy Technologies dan Tokenize Tehcnology.

Melalui platform ini, pelabur boleh melabur dalam mata wang kripto seperti bitcoin, ethereum, litecoin, XRP.

Setakat ini pembabitan pelabur dengan platform ini sangat menggalakkan. Luno Malaysia contohnya kini menguruskan lebih RM1 bilion sejak dilancarkan pada 2019.

Apa yang menarik, minat pelabur wanita terhadap mata wang kripto juga semakin meningkat. Menurut Luno Malaysia, pelabur wanita menggunakan platformnya meningkat kepada 20 peratus berbanding 12 peratus pada 2019.

Jelas secara perundangan, pelaburan mata wang kripto sah di Malaysia. Namun, bagaimana pula dengan pelabur beragama Islam? Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti memutuskan pada 2020 bahawa pelaburan dan perdagangan membatikan mata wang kripto adalah patuh syariah.

Justeru, pelabur beragama Islam boleh turut serta dalam pelaburan ini. Antara sisi menarik pelaburan mata wang kripto adalah transaksi boleh dilakukan sepanjang 24 jam.

Dalam erti kata lain, pelabur boleh melabur bila-bila masa termasuk hujung minggu. Perkara ini amat bermanfaat bagi pelabur yang bekerja.

Pelaburan yang mampu memberi pulangan optimum dan fleksibel ini turut dikawal selia dengan rapi oleh Suruhanjaya Sekuriti. Justeru, pelabur hanya perlu menumpukan usaha menguruskan dana pelaburan sebaik mungkin.

Namun, setiap pelaburan pasti ada risiko. Pelabur perlu sentiasa meningkatkan ilmu bagi memastikan pulangan dapat dioptimumkan dan kerugian dapat diurus sebaik mungkin.

Antara boleh dilakukan adalah menggunakan analisis teknikal untuk menentukan waktu pembelian dan penjualan mana-mana mata wang kripto.

Realitinya, kita sangat bertuah kerana pelaburan ini sah dan patuh syariah. Namun, jangan sekali-kali ter-tipu dengan pihak tidak bertanggungjawab.

Pastikan melabur di platform dilesenkan dan sama laman sesawang Suruhanjaya Sekuriti untuk mendapatkan maklumat terkini.



Pensyarah Jabatan
Ekonomi dan
Pengajian Kewangan,
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Kampus Puncak Alam



THANK
YOU

to all news writers



**From: FBM Corporate
communication team**